



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

USAHA GALERI SENI DI DALAM MEMARTABATKAN HASIL

KARYA ARTIS TEMPATAN

KAJIAN KES : ARTRAGEOUSLY RAMSAY ONG GALLERY

Azlan Bin Johar

Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2007

**USAHA GALERI SENI DI DALAM MEMARTABATKAN HASIL
KARYA ARTIS TAMPAK TEMPATAN**

KAJIAN KES : ARTRAGEOUSLY RAMSAY ONG GALLERY

AZLAN BIN JOHAR

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/ LAPORAN

JUDUL : PELANCONGAN SENI : KEWUJUDAN MAIN BAZAAR, KUCHING
MEMBANTU PENGEMBANGAN SENI DAN BUDAYA KRAFTANGAN
MASYARAKAT DI SARAWAK.

SESI PENGAJIAN : 2004/2007

Saya : AZLAN BIN JOHAR

Mengaku membenarkan tesis/ Laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. * sila tandakan (/)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Alamat Tetap:

.....
.....

PENGAKUAN

Projek bertajuk “**Usaha Galeri Seni di Dalam Memartabatkan Hasil Karya Artis tampak Tempatan, Kajian Kes : Artrageously Ramsay Ong Gallery**” telah disediakan oleh **Azlan bin Johar** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk dipeiksa oleh:

(Puan Qistina Donna Lee Abdullah)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, Alhamdulillah, dipanjatkan syukur yang amat tinggi kepada Allah S.W.T kerana memberi tenaga, keupayaan serta kesabaran di dalam saya menyiapkan penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan saya kreditkan kepada Puan Qistina Donna Lee Abdullah selaku penyelia saya yang banyak membantu, memberi tunjuk ajar, dorongan serta kata nasihat di dalam saya menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada tenaga pensyarah yang lain, Puan Noria anak Tugang, Puan Rahah Haji Hasan, Cik Karen Audrey Samy dan Cik Ema yang sama - sama memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada saya di dalam menyempurnakan penyelidikan ini serta pihak Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua.

Tidak lupa juga kepada para responden serta subjek kajian, jutaan terima kasih saya ucapkan kerana tanpa sokongan dan kerjasama dari anda semua penyelidikan ini mungkin tidak dapat disempurnakan dengan jayanya.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada ahli keluarga yang tersayang kerana banyak membantu, memberi sokongan serta memahami semasa saya menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada rakan – rakan seperjuangan dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa saya menyiapkan penyelidikan ini yang mana banyak memberi sokongan, tunjuk ajar serta bantuan kepada

saya, jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan saya berikan. Akhir sekali, jutaan terima kasih sekali lagi saya ucapkan untuk semua.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
Halaman Tajuk	i
Borang Pengesahan	ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vi
Abstrak	xi
<i>Abstract</i>	x
BAB 1 : Pengenalan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi	2
1.2.1 Galeri	2
1.2.2 Seni	3
1.2.3 Seni Tampak	4
1.2.4 Artis	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Hipotesis	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Permasalahan Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10

BAB 2 : Sorotan Kesusasteraan

2.1	Kenyalang Pada Alaf Baru : Sebuah Spektra Warna	13
2.2	Rupa Malaysia : Meninjau Seni Lukis Moden Malaysia	15
2.3	Art Pay : Indispensable Reference For Every Artist	17
2.4	Managing Museums and Galleries	18
2.5	Forward Planning : A Handbook of Business, Corporate and Development Planning for Museums & Galleries	19
2.6	Pengantar Pengurusan	21
2.7	Rumusan dan Kesimpulan	22

BAB 3 : Metodologi Kajian

3.1	Pengenalan	23
3.2	Lokasi Kajian	23
3.3	Sumber Data	23
3.4	Populasi Kajian	26
3.5	Persampelan	26
3.6	Instrumen Kajian	27
3.7	Limitasi Kajian	28
3.8	Rumusan dan Kesimpulan	30

BAB 4 : Analisa Data dan Dapatan Kajian

4.1	Pengenalan	32
4.2	Penganalisaan Data	33
	4.2.1 Analisis Kaedah Kuantitatif	34
	4.2.2 Analisis Kaedah Kualitatif	52
	4.2.3 Analisis Kaedah Pemerhatian	54
4.3	Kesimpulan	55

BAB 5 : Cadangan dan Rumusan

5.1	Pengenalan	57	
5.2	Rumusan	57	
5.3	Cadangan	58	
	5.3.1	Galeri Seni	58
	5.3.2	Artis Jalanan	60
	5.3.3	Badan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Swasta dan Persendirian	61
5.4	Cadangan Untuk Pengkaji Akan Datang	64	
5.5	Kesimpulan	66	
	Bibliografi	68	
	Lampiran	70	

TAJUK :
USAHA GALERI SENI DI DALAM MEMARTABATKAN KARYA
ARTIS TAMPAK TEMPATAN
KAJIAN KES : ARTRAGEOUSLY RAMSAY ONG GALLERY

ABSTRAK

Penyelidikan Projek Tahun Akhir adalah berkisar tentang usaha yang dimainkan oleh galeri seni swasta (Ramsay Ong Art Gallery) di dalam memartabatkan hasil karya para artis tempatan. Dalam masa yang sama, penyelidik juga menekankan aspek pengurusan, langkah - langkah pengkomersialan serta peranan yang dimainkan oleh para artis persendirian di dalam memartabatkan karya mereka.

ABSTRACT

In this final year research project it is based on the effort played by the private art sector of Ramsay Ong Art Gallery in preserving the artwork of local visual art artists. In the same time, researcher will also study on the management aspect; strategies in commercialize and preserving artwork of the free lance artists.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

“Bila berkunjung ke galeri seni kita terdedah dengan pelbagai bentuk karya. Ada di antara kita yang memperkatakan tentang definisi atau pengertian karya - karya yang dipamerkan. Yang selalu disebut – sebut adalah kategori abstrak atau mujarad dan realistik. Abstrak sering ditunjukkan kepada karya – karya yang sukar difahami, dengan palitan dan sapuan – sapuan warna yang pelbagai, garisan dan bentuk – bentuk yang hebat seumpamanya, tanpa imej yang dikenali dan sukar atau sering mengkaburkan...” Demikian pendapat Mulyadi Mahamood di dalam buku “Mendekati Seni Lukis dan Seni Reka” berkenaan dengan galeri dan seni tampak.

Galeri seni merupakan salah satu daripada platform bagi para artis di dalam mempamerkan hasil karya mereka untuk tatapan umum. Dalam masa yang sama, galeri seni juga memainkan peranan yang penting di dalam usaha memartabatkan hasil karya para artis melalui kaedah mempromosi serta pengkomersialan karya. Di dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji usaha yang dimainkan oleh sebuah galeri seni tempatan di dalam usaha mereka memartabatkan hasil karya tampak artis tempatan.

Artrageously Ramsay Ong, The Art Gallery merupakan salah sebuah galeri seni tempatan di Sarawak yang berperanan dalam memartabatkan estetika dan nilai artistik seni tampak pengkarya tempatan untuk wadah tatapan umum di samping menjadi medan sumber pendapatan kepada para artis itu sendiri.

Galeri seni ini beralamat di Nombor 94, Main Bazaar Kuching, yang mana beroperasi dari pukul 9.30 pagi hingga 6.30 petang bagi hari Isnin hingga Sabtu. Manakala, bagi hari Ahad, galeri ini beroperasi dari pukul 9.30 hingga 5.30 petang. Selain dari itu, galeri ini juga mempunyai dua buah cawangan di Kuala Lumpur, iaitu di Nombor 43 & 45, Cangkat Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan Sarawak – *Paradise in Borneo* Nombor 25 Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Galeri seni ini memiliki pengkarya yang berbakat besar seperti Ramsay Ong sendiri, Chew Fang Chin, Narong Daun dan Wong Neng Lee. Selain daripada menjadikan galeri untuk hasil artistik cetusan minda dan perasaan artis tampak, galeri ini juga menempatkan hasil seni yang lain seperti kraftangan bakul tradisional etnik Sarawak, perabot, tikar, cenderamata, poskad serta bahan – bahan ilmiah dan akademik seperti buku berkenaan dengan sejarah, seni dan lukisan.

1.2 DEFINISI

1.2.1 Galeri

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), Dewan Bahasa dan Pustaka, galeri membawa takrifan sesebuah bangunan atau bilik tempat mempamerkan hasil karya seni dan sebagainya.

1.2.2 Seni

Berdasarkan definisi yang direncanakan oleh Ahmad Rashidi bin Hasan di dalam buku Sejarah Seni Lukis, ‘...seni merupakan satu bidang yang luas yang melibatkan pelbagai bidang kehidupan. Dalam bidang tampak, kegiatan seni merangkumi antaranya lukisan, fotografi, cetakan dan catan. Dalam bidang binaan pula, kegiatan seni merangkumi seni bina dan arca, manakala dalam bidang kraftangan, kegiatan seni itu melibatkan pelbagai jenis dan bentuk kraf seperti seramik, tekstil, anyaman dan sebagainya. Bidang seni persembahan pula merangkumi kegiatan seperti drama, teater, muzik dan tarian.’ Selain itu, menurut *Oxford Student’s Dictionary (2002)*, seni atau *the arts* bermaksud ‘...creative activity including painting, sculpture, music, literature, and dance.’

“.....Bidang kesenian di anggap sebagai cerminan sesuatu nilai dan simbol dalam sesebuah tamadun, bangsa dan kebudayaan. **Seni adalah satu manifestasi dan pancaran rasa keindahan, pemikiran, kesenangan dan perasaan yang lahir daripada seniman.**

Wujud atau lahirnya sesebuah karya seni atau objek seni adalah hasil dari idea-idea para seniman yang berlandaskan daya imaginasi, pengetahuan, pendidikan, inspirasi dan tenaga seniman...” demikian definisi yang dinyatakan oleh Luca di dalam artikel “Definisi Seni” yang dipetik dari <http://www.sifoo.com/sifoov5/articles>. Sehubungan dengan itu, penyelidik berpendapat bahawa seni itu wujud dari benak akal pemikiran dan sanubari para artis itu di dalam berkarya. Percambahan idea dengan pengolahan dari daya imaginasi, pengetahuan, pendidikan dan inspirasi membawa kepada penghasilan karya yang berkualiti berlandaskan daya usaha para artis itu sendiri.

Menurut laman web yang sama, Raymond William pula menegaskan “...bahawa seni itu mencakupi berbagai bidang seperti senihalus (catan, arca, lukisan, cetakan, instalasi, video), seni ukir, seni tembikar (seramik), seni logam, tekstil, pementasan, sastera dan seni muzik...” Bagi beliau, seni adalah sebagai satu kemahiran yang bersifat imaginatif dan kreatif.

Berdasarkan kepada laman web yang sama, Dr. Sidi Gazalba pula menyatakan bahawa “seni itu indah dan indah itu adalah baik.” Menurut beliau sesebuah karya seni itu perlu ada unsur-unsur kebaikan, kebenaran dan nilai-nilai moral yang tinggi. Beliau banyak memperkatakan tentang kesenian dalam Islam. Menurut pengkaji seni, seni Islam telah bermula semenjak zaman Rasulullah s.a.w. namun ketika itu kesenian Islam tidak begitu jelas, kabur dan terlalu sedikit. Ini kerana ianya merupakan zaman peralihan bagi umat Islam membetulkan akidah

tauhid dan umat Islam juga dalam keadaan berwaspada dan bersiap sedia mengawasi ancaman pihak musuh.

1.2.3 Seni Tampak

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), Dewan Bahasa dan Pustaka, seni tampak membawa maksud seni yang mengutamakan penglihatan dan penghayatan di dalam pengkaryaan. Berdasarkan definisi tersebut, penyelidik mendefinisikan seni tampak sebagai satu cara bagi para pelukis menterjemahkan emosi, khayalan, pandangan serta penghayatan minda mereka terhadap sesuatu ke atas permukaan kanvas, kertas mahupun media lukisan lain.

1.2.4 Artis

Berdasarkan takrifan yang dikeluarkan oleh *Oxford Student's Dictionary (2002)*, artis ataupun *artist* membawa maksud

“... 1. a person who paints or produces other works of art. 2. a person who does something with great skill. 3. a professional entertainer.”

Sehubungan dengan itu, penyelidik dapat mentakrifkan perkataan artis tersebut sebagai manusia atau individu yang menghasilkan sesuatu karya artistik dengan berlandaskan kepada kepakaran serta kemahiran yang tinggi yang ada pada diri individu tersebut.

1.3 OBJEKTIF

Melalui penyelidikan yang dilakukan, antara objektif kajian penyelidik ialah :

- **Objektif Umum**

Di dalam objektif umum kajian, objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik ialah ingin melihat pertumbuhan serta perkembangan industri seni tampak di Sarawak setanding dengan industri – industri seni kreatif yang lain seperti industri sinematografi dan seni digital yang telah sedia ada. Hal ini kerana industri seni tampak di Sarawak masih lagi di tahap perkembangan berbanding dengan industri kraftangan mahupun industri tarian yang mana telah mencapai tahap yang agak memuaskan. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai objektif kajian ini, penyelidik ingin melakukan satu penyelidikan terhadap industri seni tampak di Sarawak dengan melakukan kajian kes terhadap salah sebuah galeri seni swasta di dalam usaha mereka memartabatkan hasil karya artis tampak tempatan di samping melihat kepada pandangan serta peranan yang dimainkan oleh para artis tampak jalanan..

- **Objektif Kursus**

Objektif kursus penyelidikan ini pula ingin mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang usaha yang dilakukan oleh galeri tersebut yang mana berperanan sebagai orang tengah di dalam proses mengetengahkan hasil karya dan pengkomersialan kepada umum.

1.4 HIPOTESIS

Artrageously Ramsay Ong Gallery berperanan sebagai 'intermediation' atau orang tengah di dalam proses memartabatkan dan pengkomersialan hasil karya artis tempatan Sarawak kepada umum.

1.5 SKOP KAJIAN

1.5.1 Kewujudan galeri seni

Skop kajian penyelidik di dalam melakukan penyelidikan ini ialah ingin melihat samada terdapat galeri seni lain yang seumpama galeri seni Ramsay Ong di dalam memartabatkan dan pengkomersialan hasil karya artis tempatan di Sarawak. Sekiranya ada, penyelidik ingin mengetahui samada galeri tersebut memainkan usaha yang sama ataupun hanya sebagai landasan kepada para artis di dalam berkarya.

1.5.2 Artis persendirian

Selain itu, penyelidik juga ingin mengenalpasti bagaimana artis yang bergerak secara solo di dalam menentengahkan hasil karya mereka kepada umum. Sebagai contoh, pelukis jalanan yang berkarya di sekitar Waterfront Kuching, adakah mereka mengentengahkan karya mereka kepada umum secara terus ataupun melalui orang tengah.

1.5.3 Artrageously Ramsay Ong Gallery

Dalam masa yang sama, skop kajian penyelidik juga berkisar tentang galeri seni tersebut di dalam aspek :

- **Pengurusan**

Di dalam aspek ini, penyelidik ingin melihat apakah langkah – langkah pengurusan yang diambil oleh galeri tersebut di dalam usaha mereka memartabatkan hasil karya artis tempatan sejajar dengan perkembangan global. Sehubungan dengan itu, penyelidik ingin mengkaji adakah terdapat pengurusan strategik yang digunakan oleh galeri tersebut di dalam menjalankan peranan mereka sebagai *intermediaries* kepada para artis tempatan.

- **Kaedah pameran**

Penyelidik juga ingin mengenal pasti apakah kaedah – kaedah pameran yang digunakan oleh kurator pameran galeri tersebut di dalam mempamerkan hasil karya yang hendak di pameran kepada umum.

- **Promosi dan publisiti**

Promosi merupakan satu mekanisme yang amat penting di dalam menjayakan sesuatu acara, pameran mahupun jualan. Justeru itu, penyelidik ingin mengetahui apakah langkah – langkah promosi dan publisiti yang diambil oleh pihak galeri di dalam proses pengkomersialan hasil karya artis tempatan.

- **Pemasaran**

Setelah proses promosi dan publisiti dijalankan, seterusnya ialah proses pemasaran hasil karya tersebut kepada umum. Memandangkan galeri ini menjadi sebuah platform kepada artis di dalam pengkomersialan hasil karya mereka, penyelidik ingin melihat apakah langkah – langkah pemasaran yang digunakan oleh galeri bagi mencapai tujuan tersebut.

1.6 PERMASALAHAN KAJIAN

Di dalam menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah mengenalpasti beberapa permasalahan kajian yang berhubung dengan usaha galeri tersebut di dalam usaha mereka memartabatkan karya seni artis tempatan. Permasalahan pertama yang ketahu i ialah permasalahan dari segi pengurusan galeri tersebut dalam memartabatkan hasil karya seni, iaitu dari segi promosi dan kaedah pameran. Permasalahan yang kedua ialah dari segi ruang pameran galeri yang agak kurang selesa, dimana ketiadaan ruang yang mencukupi untuk mempamerkan hasil karya para pelukis.

Selain itu, permasalahan lain yang telah dikenalpasti ialah kekurangan medium atau platform lain bagi artis tempatan dalam mempamerkan, mempromosi dan menjual hasil karya mereka kepada umum terutamanya artis yang bergerak secara solo. Berdasarkan kepada permasalahan ini, penyelidik merasakan bahawa perlunya satu langkah alternatif agar usaha galeri ini dalam memartabatkan hasil karya artis tempatan tercapai.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan terhasilnya penyelidikan ini kelak, penyelidik berharap agar kajian ini akan menjadi salah satu daripada media rujukan kepada pihak – pihak yang berkenaan di dalam usaha memartabatkan industri seni tampak tempatan. Antaranya ialah :

1.7.1 Penggiat Seni Tampak Tempatan

Penyelidikan ini penting kepada para penggiat seni tampak tempatan dimana ia boleh dijadikan rujukan di dalam proses untuk menubuhkan galeri seni perseorangan mahupun secara pertubuhan. Hal ini berikutan kerana penyelidikan ini telah menyingkap tentang usaha galeri seni Ramsay Ong di dalam usaha mereka memartabatkan hasil karya tampak artis tempatan.

1.7.2 Artrageously Ramsay Ong Gallery

Penyelidikan ini juga memberi kelebihan kepada galeri seni Ramsay Ong didalam meningkatkan lagi mutu serta kualiti pameran, pengurusan serta pentadbiran galeri tersebut agar lebih berkesan lagi di dalam usaha memartabatkan industri seni tampak tempatan.

1.7.3 Sektor Perlancongan

Di dalam sektor pelancongan, kajian ini penting di mana ia dapat menjadi satu gambaran kepada para pelancong samada dari dalam negara mahupun dari luar negara bahawa seni tampak yang ada di Sarawak mempunyai nilai komersial yang tinggi yang mana kebanyakannya mencerminkan identiti dan seni budaya masyarakat yang ada di sekitar Sarawak seperti karya yang bertajuk *Harmoni* yang dihasilkan oleh Voon Lip Sheng, *Dancing Maidens* oleh J. Bladae Lasem, *Hornbill of Sarawak* oleh Micheal Chong Voon Kong, *Sarawak Traditional Blowpipe Hunting on Boat* oleh Sim Chiap Hin dan sebagainya. Sehubungan dengan itu juga, kajian ini secara tidak langsung dapat menarik minat para pelancong untuk datang ke Sarawak bagi melihat sendiri hasil karya yang dihasilkan oleh para artis tempatan dan seterusnya meningkatkan serta memberi banyak kebaikan kepada industri pelancongan Sarawak.

1.7.4 Masyarakat

Kajian ini juga penting kepada masyarakat awam di mana ia dapat memberi pendedahan terhadap industri seni tampak tempatan yang mana ditenggelami oleh industri kreatif yang lain seperti industri kraftangan dan tarian. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menjadi pembuka minda masyarakat terhadap industri seni tampak tempatan agar ia dinilai serta diminati seperti industri seni kreatif yang lain.